

Mahathir: Jangan guna

UM 8 APR 2001

Oleh AHMAD NAZRI HASHIM
dan NORZAINAH NORDIN

IPOH 7 April — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan calon-calon yang bertanding pada pemilihan UMNO peringkat bahagian supaya tidak menggunakan nama beliau dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa berkempen.

Beliau menegaskan, calon-calon yang bertanding seharusnya berkempen atas prestasi diri masing-masing dan tidak bergantung kepada mana-mana pemimpin parti.

“Saya telah buat kenyataan semalam (dalam perjumpaan tertutup dengan bahagian UMNO Parit Bun-

tar dan Parit) bahawa saya dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak terlibat dalam menyokong atau menentang maria-maria calon.

“Masing-masing (calon-calon di peringkat bahagian UMNO) mestilah berkempen atas prestasi diri sendiri dan bukan bergantung kepada mana-mana nama (pemimpin),” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mengakhiri lawatan kerja ke Perak di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau mahu bahagian-bahagian UMNO memilih calon yang terbaik dan bukan memilih mereka yang menggunakan cara-cara yang tidak diizinkan untuk menjadi ketua bahagian.

Kata beliau, calon yang terbaik itu sewajarnya

nama saya, Abdullah

seorang yang boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan baik.

“Mereka yang tidak berkemampuan menjalankan tugas dengan baik, esok orang (ahli-ahli UMNO) buanglah,” tambahnya.

Mengenai perjumpaannya dengan ahli-ahli UMNO bahagian Parit Buntar dan Parit semalam, Dr. Mahathir berkata, beliau telah menjelaskan kepada mereka mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh parti pembangkang sejak kebelakangan ini.

Beliau menjelaskan, parti pembangkang seperti biasa hanya menumpukan pada tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dengan tujuan menimbulkan kebencian orang ramai ke atas kerajaan.

Mengenai segelintir masyarakat yang masih terpe-

rangkap dengan dakyah pembangkang, Dr. Mahathir berkata, beliau berpendapat bahawa mereka harus memikirkan kebaikan negara dan bukan dipengaruhi oleh perasaan benci semata-mata.

Berhubung dialog dengan ahli-ahli UMNO di Parit Buntar dan Parit, beliau berkata, umumnya mereka tiada masalah untuk terus komited kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN), cuma berpendapat bahawa perlu ada pembangunan dan peruntukan tertentu untuk bahagian tersebut.

Menjawab soalan pemberita sama ada beliau memilih Parit Buntar dan Parit kerana ia merupakan kawasan pembangkang, Perdana Menteri berkata, beliau memang merancang untuk pergi ke semua 165 bahagian UMNO di seluruh negara.